
Title	Uchapan radio: 26.2.66
Author(s)	Muhammad Ariff bin Ahmad

Copyright © 1966 Muhammad Ariff bin Ahmad

Sidang pendengar yang mulia,

..... terutama peminat2 bahasa dan kesusasteraan kebangsaan sekalian :

Saya merasa amat bershukor dan berterimakasih kepada pihak Radio Singapura yang telah memberikan kesempatan ini untuk saya menyampaikan beberapa penerangan yang perlu kepada pendengar sekalian tentang Kongres bahasa kebangsaan Singapura yang akan diadakan tidak berapa lama lagi. Saya yakin pendengar2 sekalian telah pun mendengar bahwa Lembaga Tetap Kongres Singapura sekarang ini sedang ber-siap2 hendak mengadakan Kongres bahasa, seperti yang diputuskan dalam sidang perwakilannya pada 25 haribulan December 1965 yang lalu itu. Sidang perwakilan itu telah memerintahkan jawatankuasa tadbir LEMBAGA TETAP KONGRES supaya mengadakan satu kongres bahasa dalam tahun 1966 ini, untuk mengkaji semula rumusan2 Kongres ketiga yang telah dibuat pada tahun 1956 yang lalu. Perwakilan menghendaki supaya rumusan2 itu dikaji semula kemudian mengeshorkan kepada pemerintah Republik Singapura supaya melaksanakan rumusan2 itu, demi untuk kepentingan bahasa dan persuratan Melayu, yang oleh pemerintah Singapura telah diakuinya sebagai bahasa Kebangsaan Singapura.

Apabila jawatankuasa baru L.T.K., bersidang dalam bulan January 1966 yang lalu itu, perkara mengadakan kongres itu telah dibinchangkan dengan memandangkan kepada semua segi dan segala kemungkinan. Mula2 memang jawatankuasa ini hendak mengadakan kongres ini sebagai lanjutan kongres ketiga yang dijayakan pada tahun 1956 dulu itu, dan hendak menamakan kongres ini sebagai kongres yang keempat. Mula2 memang kita merasa berhak kita mengadakan kongres keempat itu kerana L.T.K., Singapura sebagai bahagian dari kerabat kongres ketiga itu berhak mewarisi rumusan2 dan keputusan2 yang telah dicapai dalam kongres ketiga itu. Tetapi keadaan suasana adalah pengaruh yang paling besar untuk kita menentukan sikap. Dan Oleh kerana pada masa sekarang ini, Singapura adalah sebuah negeri yang merdeka dan hubungannya dengan Persekutuan Tanah Melayu atau pun dengan Malaysia merupakan sebuah negara jiran, yang masing2 berhak menentukan haluannya sendiri2; masing2 berhak mengator rumah-tangganya sendiri, maka tidaklah bijak kalau kita masih menggantungkan sesuatu keputusan rumahtangga kita dengan menantikan petunjuk atau pimpinan orang lain. Dan, akhirnya pendapat itu menentukan sikap kita hendak mengadakan kongres sendiri, untuk rumah tangga kita sendiri dan oleh rakyat kita sendiri. Sikap inilah yang menyebabkan kongres yang akan diadakan itu kita namakan KONGRES BAHASA KEBANGSAAN SINGAPURA. Jawatankuasa telah menetapkan bahwa Kongres Bahasa Kebangsaan Singapura itu akan diadakan di Dewan Persidangan Singapura mulai 15 haribulan Ogos hingga 19 haribulan Ogos 1966 yang akan datang ini.

Oleh kerana pada hakikatnya bahasa Melayu itulah yang sekarang ini dijadikan bahasa kebangsaan kita, maka segala penyelidekan, kajian dan segala pandangan yang akan dibinchangkan dalam kongres itu kelak mestilah didasarkan kepada sifat2 bahasa Melayu juga. Yang demikian kita perlu pula mendengar apa orang2 lain kata tentang bahasa dan kesusasteraan kita itu. Kita perlu mendengar pandangan2 orang2 luar negeri

yang terlibat dengan pengajaran bahasa Melayu itu; kita perlu mendengar suara negara2 jiran kita yang kebetulan bahasa Melayu itu telah menjadi bahasa rasmi dan bahasa persatuan rakyatnya; kita perlu juga mendengar pendapat orang2 bukan Melayu yang sekarang telah menganggap bahasa Melayu itu sebagai bahasanya dan darah-dagingnya itu. Perkara2 ini semualah, yang telah mendorong jawatankuasa L.T.K., menamakan kongres itu Kongres Bahasa Kebangsaan dan menghendaki supaya sekalian orang yang sechara langsung atau tidak langsung telah terlibat kapada perkembangan bahasa itu hadhir di kongres itu dan turut membincangkan mas'alah2 yang kelak dikemukakan oleh pakar2 atau kumpulan pakar2 bahasa kebangsaan itu.

Hubungan dengan ini, jawatankuasa L.T.K., telah meminta jasa baik dan kerjasama pemerintah Republik Singapura ini, supaya pemerintah akan menolong dan menjemputkan pakar2 diluar Singapura itu melalui duta2 dan pesuruhjaya2 negara2 yang berkenaan; dan Kementerian Luar Negeri Singapura akan diminta memberi kemudahan2 untuk melakukan jemputan2 itu. Setakat ini, nampaknya harapan untuk berbuat demikian adalah cerah. Mudah2an segala2nya akan berjalan lancar. Satu perkara yang harus dimaklumi ialah bahawa perbelanjaan pakar2 diluar Singapura itu adalah ditanggung sendiri oleh mereka, atau jika pakar2 itu mewakili negaranya, maka mudah2an negaranya yang menampung perbelanjaan mereka selama mereka berkongres disini.

Surohanjaya Bahasa L.T.K., yang ditugaskan oleh jawatankuasa L.T.K., membuat persiapan2 menyelenggarakan kongres itu telah mengambil ketetapan bahwa peserta2 kongres itu akan berbentuk dua chorak. Peserta2 yang sechara langsung dikehendaki memberikan sumbangan2 yang positif ialah peserta2 yang mewakili pertubuhan2 kerabat L.T.K. Peserta2 ini dinamakan "Peserta Kerabat". Peserta2 kerabat ini diberikan hak mengundi untuk mengambil sesuatu ketetapan yang mungkin diperlukan kelak. Tiap2 pertubuhan kerabat dikehendaki sekurang2nya melantek lapan orang anggotanya untuk mewakili pertubuhannya dikongres itu. Ketetapan ini diambil kerana surohanjaya itu menghendaki supaya tiap2 seksi perbincangan akan diwakili oleh se-kurang2nya seorang dari tiap2 pertubuhan kerabat. Langkah ini membolehkan pertubuhan2 kerabat mengikuti semua seksi2 perbincangan dalam kongres dan tiap2 pertubuhan kerabat itu akan bertanggungjawab penuh atas sebarang keputusan kongres. Pertubuhan2 kerabat adalah diseru supaya daripada sekarang mulai bergerak buat persiapan2 untuk kongres ini.

Peserta2 jemputan, peserta2 perseorangan yang menyertai kongres ini melalui permohonan mereka akan dinamakan "Peserta Biasa". Peserta2 Biasa ini akan diminta mengambil bahagian yang sama seperti Peserta2 Kerabat atas perkara yang sama, hanya mereka ini tidak diberikan hak mengundi sahaja. Semua mas'alah yang dikemukakan di kongres ini adalah dibincangkan dengan fikiran yang terbuka; fikiran2 sama ada yang terundi atau yang tidak terundi akan direkodkan dan akan dijadikan asas2 pegangan ketika rumusan2 dibuat.

Sabanyak dua puluh lapan kertas kerja mengenai lapan tajuk persoalan akan dibincangkan di kongres itu. Ke-lapan2 tajuk itu akan meliputi mas'alah2 bahasa, sastera dan ejaan bahasa kebangsaan. Mengenai bahasa; tiga tajuk akan dibincangkan, iaitu:-

- (a) Pengajaran Bahasa Kebangsaan kapada kanak2,
- (b) Pengajaran Bahasa Kebangsaan kapada orang2 dewasa, dan
- (c) Penggalakan, penggunaan dan peranan bahasa Kebangsaan di kalangan rakyat.

Mengenai kesusasteraan pula, empat tajuk akan dibincangkan, ia-itu:

- (a) Pengajaran Kesusasteraan di Sekolah2 Menengah,
- (b) Peranan Kesusasteraan dalam Pembangunan Rakyat,
- (c) Penyuburan Kesusasteraan Kebangsaan, dan
- (d) Keritik Sastera.

Mengenai ejaan bahasa Kebangsaan, surohanjaya ini mengeshurkan supaya penyatu Jawatankuasa Ejaan yang dibentuk oleh pemerintah Singapura itu kelak dikaji dan diperhalusi.

Salain dari nama enam belas orang yang dijangka akan diminta kertaskerja2 yang tersebut itu, banyak institute akan diminta mengemukakan kertaskerja2nya dan perwakilannya untuk memberikan sumbangan yang perlu demi kepentingan kebangsaan dan bahasa kebangsaan kita. Kumpulan2 pelajaran atau institute2 yang akan diminta menulis kertaskerja itu ialah: Kementerian Pelajaran Singapura, Maktab Perguruan Singapura, Lembaga Gerakan Pelajaran Dewasa, Maktab Ngee Ann, Stamford College, University Singapura, University Nanyang dan Sekolah Perbahasaan Sngapura. Pertubuhan2 kebudayaan yang akan juga diminta menulis kertaskerja ialah: Kesatuan Gurus Melayu Singapura, Persatuan Wanita dan Teruna dan Persatuan Persuratan Pemuda Pemudi Melayu Singapura. Disamping mengharapakan supaya orang2 perseorangan, institute2 dan pertubuhan2 itu kelak tidak akan menolak bila diminta dengan rasmi supaya mengemukakan kertaskerja2nya sebelum 1 haribulan Julai 1966 ini, Surohanjaya Bahasa L.T.K., adalah mengalu-alukan kertaskerja dan memorandum2 mengenai tajuk2 itu dengan tidak mengira darimana atau daripada sesiapa pun juga.

Sementara Surohanjaya Bahasa L.T.K., itu mengaturkan persiapan2 mengisi kongres itu, Surohanjaya Kebudayaan L.T.K., pula sekarang sedang giat menyusun ranchangan2 selingan Kongres itu, seperti: Mengaturkan lawatan2 darmawisata, Mengadakan malam hiburan, Malam ramah-tamah dan sebagainya. Badan2 kebudayaan yang sudah bergabung atau yang akan bergabung menjadi kerabat kongres, akan diminta sumbangannya untuk menjayakan setiap ranchangan kongres ini. Supaya kelak jangan ada antara kita yang terkilan hati kerana tak dapat menyokong kongres ini, maka saya serukan supaya bertindak dari sekarang dengan menghubungi Lembaga Tetap Kongres. Keterangan2 dan kemudahan akan diberikan secepat mungkin untuk memberi peluang tuan2 memberikan sumbangan kapada kongres itu.

Perkara yang paling penting untuk menjayakan Kongres ini, yang belum saya nyatakan ialah perkara kewangan. Untuk menjayakan kongres itu saperti yang diranchangkan itu, Penyelenggara Kongres telah mentaksirkan belanja hangusnya kira2 antara sembilan ke sepuluh ribu ringgit. Belanja2 ini akan meliputi semua perbelanjaan, chap-mengechap; perhubungan; pekerja2 pengangkutan; kenderaan; upah-mengupah dan lain2.

Jawatankuasa L.T.K., sedang berikhtiar mendapatkan bantuan masharakat dengan mengambil iklan yang disebarikan melalui buku chenderamata kongres; menemui hartawan2 yang simpati kepada pergerakan memajukan bahasa dan kesusasteraan, mendapatkan derma daripada penerbit2 buku2 bahasa kebangsaan, mendapatkan sapsidi daripada pemerintah dan menerima derma2 daripada sesiapa pun juga yang memang suka berderma. Setakat ini pemerintah Singapura telah membayangkan bahwa sajumlah wang akan diberi untuk penyelenggaraan kongres itu sebagai bukti bahwa pemerintah mengalu-alukan dan menyokong kongres itu.

Sejauh ini belum banyak yang boleh saya sampaikan penerangan2 berkenaan dengan kewangan ini, tetapi saya yakin bahwa badan kewangan kongres ini akan bershukor kalau mereka segera menerima sumbangan dari saudara2 pendengar dan peminat bahasa dan kesusasteraan kita.

Segala perhubungan, sama ada untuk mendapatkan penerangan berkenaan dengan kongres, atau hendak menyampaikan derma2 untuk kongres itu, bolehlah disampaikan langsung kepada saya, atau kepada Bendahari L.T.K., atau pun melalui siapa saja yang saudara2 fikirkan boleh menyampaikan derma2 saudara itu kepada Lembaga Tetap Kongres, Singapura Saperti melalui Berita Harian Singapura, atau Utusan Melayu Singapura, atau pun Radio Singapura ini. Jika saudara2 hendak menderma dengan cheque, maka cheque2 hendaklah di-cross dan dibayar kepada Lembaga Tetap Kongres.

Demikianlah. Mudah2an seruan saya ini tidak akan menghasilkan sesuatu yang sia2. Mudah2an Kongres akan tetap dapat dijalankan pada 15 haribulan Ogos 1966 ini tanpa sebarang halangan.

.....